

Georgetown

Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PIC) akan merujuk pakar bagi mengenal pasti punca selut dan air berkeladak di Pantai Esen, Permatang Damar Laut di sini.

Ia susulan laporan akhbar mengenai pantai 'permata tersembunyi' negeri kini dicemari masalah lumpur selut dan berkeladak sejak lebih dua bulan lalu dipercayai berpunca daripada kerja projek Pulau Silicon.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Seri Farizan Darus berkata, tindakan susulan diambil berdasarkan pandangan dan cadangan pakar berkenaan bagi mengatasi masalah itu.

"PIC yang juga Syarikat Tujuan Khas ditubuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantau perkembangan projek pulau buatan itu, kekal komited dalam memastikan semua kerja penambakan dijalankan mengikut garis panduan ketat demi kesejahteraan alam sekitar dan komuniti setempat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin Harian Metro melaporkan mengenai keadaan terkini Pantai Esen yang bertukar warna kehitaman dan berbau busuk.



KEADAAN pantai Permatang Damar Laut yang berhampiran Pantai Esen, Georgetown turut berlumpur. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

SUSULAN PANTAI ESEN BERKELADAK

HM 22/10/2024 pg 20

PIC nak rujuk pakar

Ia turut memberi kesan kepada pengusaha sukan air selain pengunjung juga tidak dapat mandi manda berikutan keadaan itu.

Mengulas lanjut, Farizan berkata, PIC bersama pemaju Silicon Island Development Sdn Bhd (SIDSB) turut sama dalam pelbagai sesi libat urus yang dijalankan agensi seperti Lem-

baga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang termasuk Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan (PNKPPS) sejak 8 Ogos lalu.

Hasil siasatan pada bulan yang sama mendapati pelaksanaan projek Pulau Silicon itu adalah selari dan

mengikut syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) termasuk pemasangan langkah mitigasi yang dicadangkan.

"Sesi libat urus yang diadakan pegawai informasi PPSN bersama beberapa nelayan setempat juga mendapati bahawa fenomena semula jadi seperti

air pasang besar dan angin monsun akan menyebabkan gangguan pada kawasan dasar laut berlumpur.

"Keadaan semula jadi kawasan pesisiran pantai Pulau Pinang Selatan adalah kawasan dataran lumpur dan ia turut disahkan semasa penyediaan laporan EIA.

"Tambahan pula, tiada

aktiviti pengorekan yang dijalankan di kawasan sekitarnya yang boleh menyumbang kepada kejadian selut itu," katanya.

Menurut Farizan, pemantauan garis pantai dijalankan secara berkala sejak Jun 2023 dan diteruskan setiap tiga bulan termasuk pada Mac, Jun dan Oktober tahun ini.

Laporan sudah dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan analisis mendapati tiada perubahan ketara pada dasar laut selepas perbandingan dibuat antara tinjauan awal dan pemantauan seterusnya.

"Kajian penyiasatan tanah di pesisir laut antara tahun 2014 hingga 2016 juga menunjukkan keputusan yang konsisten iaitu terdapat lapisan tanah liat lembut yang tebal di bawah dasar laut.

"Pemantauan kualiti air dijalankan secara berkala oleh pihak kontraktor khususnya bagi parameter Jumlah Pepejal Terampai (TSS) dan Kekeruhan (NTU) untuk memastikan keberkesanan tirai kelodak yang dipasang.

"Pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala terhadap komponen Amalan Pengurusan Terbak (BMPs) seperti tirai kelodak dan tilam pasir (sand mattress) adalah bagi memastikan ia berfungsi dengan baik sepanjang pelaksanaan projek," katanya.